



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 15 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEKTOR AGROMAKANAN MENINGKAT, NASIONAL, SH-12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	SUMBANGAN SEKTOR AGROMAKANAN KEPADA KDNK MENINGKAT 6.8 PERATUS, SH-ONLINE	
3.	DAN 2.0 FOKUS KEPADA PERTANIAN PINTAR, NEGARA, KOSMO-12	
4.	DAN 2.0 DOKUS KEPADA PERTANIAN PINTAR, KOSMO-ONLINE	
5.	VAE 2021 DILANCAR BUKA PELUANG KONGSI KEPAKARAN BIDANG TANI, BERNAMA-ONLINE	
6.	VAE 2021 PROVIDES OPPURTUNITIES FOR SHARING OF AGRICULTURE EXPERTISE, BERNAMA- ONLINE	
7.	AGRICULTURAL DEPT : VIRTUAL AGROTECHNOLOGY EXTENSION 2021 PROVIDES OPPURTUNITIES FOR SHARING OF AGRICULTURE EXPERTISE, MALAY MAIL- ONLINE	
8.	VAE 2021 PROVIDES OPPURTUNITIES FOR SHARING OF AGRICULTURE EXPERTISE, THE SUN DAILY-ONLINE	
9.	DASAR AGROMAKANAN NEGARA FOKUS STRATEGI PERTANIAN PINTAR, MALAYSA GAZZETTE, ONLINE	
10.	SUMBANGAN SEKTOR AGROMAKANAN KEPADA KDNK MENINGKAT: RONALD, NEWS, UTUSAN BORNEO SARAWAK-13	
11.	SUMBANGAN SEKTOR AGROMAKANAN KEPADA KDNK MENINGKAT: RONALD, GENERAL NEWS, UTUSAN BORNEO SABAH-7	
12.	ANNUAL INCREASE OF 6.8%, AGRICULTURE CONTRIBUTED 51.3 BILLION LAST YEAR, NANYANG-ONLINE	
13.	SIASAT PUNCA KENAIKAN SEBELUM LAKSANAKAN SKIM KAWALAN HARGA, BH-ONLINE	
14.	PENDEKATAN BAHARU TANGANI ISU HARGA AYAM, MELAKA HARI INI-ONLINE	
15.	PENDEKATAN BAHARU TANGANI ISU HARGA AYAM, BERNAMA- ONLINE	
16.	KPDNHEP LAKSANA KAWALAN HARGA AYAM JIKA TERUS MENINGKAT, EXPLORER.NET-ONLINE	
17.	PENIAGA AYAM TIDAK BOLEH NAIK HARGA SESUKA HATI, UTUSAN MALAYSIA-ONLINE	
18.	NBC SET TO BECOME COUNTRY'S MAIN TUNA TERMINAL, ASIAN BREAKING NEWS.COM-ONLINE	
19.	PENDEKATAN BAHARU TANGANI ISU KENAIKAN HARGA AYAM, BULETIN BERNAMA-BERNAMA TV	
20.	INCREASE IN LIVESTOCK FOOD COMPONENT PRICES AFFECTS CHICKEN PRICES- RONALD, NEWS, TAMIL MALAR-5	
21.	BERI SUBSIDI KEPADA PENTERNAK AYAM TIDAK SELESAI MASALAH, NEGARA-KOSMO	
22.	PENTERNAK TERJEJAS JIKA LAKSANA KAWALAN HARGA, NASIONAL, BH-1,18	
23.	HAPUS PERANAN "TANGAN GHAIB" PENENTU HARGA AYAM", UTUSAN MALAYSIA-ONLINE	
24.	TAMAN LAUT PULAU PAYAR SUMBER PERIKANAN KEDAH, HAKAKAH DAILY-ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
25.	MAQIS RAMPAS 3,200 PERMIT SUSU TIN TANPA PERMIT, LOKAL, HM-3	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
26.	MAQIS GAGALKAN CUBAAN SELUDUP 3,200 TIN SUSU STERIL TANPA PERMIT, NEGERI,SH-22	
27.	MAQIS GAGALKAN CUBAAN IMPORT SUSU TANPA PERMIT, DALAM NEGERI, UM-30	
28.	MADA SELENGGARA SALIRAN AIR ELAK PADI TENGGELAM, SINAR HARIAN-ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
29.	AGROBANK LANCAR PROGRAM SUKUK WAKALAH RM 1BILION	AGROBANK
30.	HARGA TELUR AYAM GRED B NAIK 59 SEN, LOKAL, HM-6	LAIN-LAIN*
31.	PENIAGA KECIL TERBEHAN HARGA TELUR NAIK, NASIONAL, BH-18	
32.	PESAWAH HARUS PATUHI JADUAL PENGGILIRAN AIR, DALAM NEGERI, UM-30	
33.	USAHAWAN TANI MUDA PERLU TRANSFORMASI MINDA, KOMENTAR, BH-11	

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Headline	Sektor agromakanan meningkat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	12	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD	AdValue	RM 4,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,564



# Sektor agromakanan meningkat

Subsektor tanaman kekal sebagai penyumbang utama KDNK iaitu RM24.1 bilion

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN

SHAH ALAM

Sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus kepada RM51.3 bilion pada tahun 2020 berbanding RM28.3 bilion pada tahun 2011.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald

Kiandee berkata, bagi subsektor tanaman masih kekal sebagai penyumbang utama iaitu RM24.1 bilion berbanding dengan subsektor lain di bawah sektor agromakanan.

Menurut beliau, produktiviti dan hasil pertanian dapat ditingkatkan lagi melalui penggunaan teknologi pertanian pintar seperti pertanian pintar, internet benda (IOT), data raya, kepintaran buatan (AI), teknologi blok rantai serta dron bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja.

“Penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kuantiti hasil tanaman seterusnya meningkatkan produktiviti



Ronald melancarkan program *Virtual Agrotechnology Extension 2021* pada Selasa.

secara keseluruhan,” katanya ketika melancarkan program *Virtual Agrotechnology Extension 2021* (VAE 2021) secara dalam talian pada Selasa.

Hadir sama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Sumbangan sektor agromakanan kepada KDNK meningkat 6.8 peratus



Ronald Kiandee pada program pelancaran VirtualAgrotechnology Extension 2021 (VAE 2021) yang diadakan secara dalam talian pada Selasa.

SUMBANGAN sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus kepada RM51.3 bilion pada tahun 2020 berbanding RM28.3 bilion pada tahun 2011.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, bagi subsektor tanaman masih kekal sebagai penyumbang utama iaitu RM24.1 bilion berbanding dengan subsektor lain di bawah sektor agromakanan.

Menurut beliau, produktiviti dan hasil pertanian dapat ditingkatkan lagi melalui penggunaan teknologi pertanian pintar seperti precision farming, internet of things (IOT), big data, artificial intelligence (AI), blockchain serta dron bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja.



Ronald Kiandee ketika berucap dalam Program Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021) secara dalam talian pada Selasa.

“Penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kuantiti hasil tanaman seterusnya meningkatkan produktiviti secara keseluruhan.

“Selain teknologi, penumpuan juga akan diberikan kepada peningkatan kompetensi

teknikal pegawai pengembangan agar mampu melaksanakan pemindahan teknologi kepada pengeluar makanan serta menyediakan persekitaran yang kondusif untuk penerimgunaan teknologi oleh golongan sasaran melalui kemudahan kewangan, pendigitalan produk serta penyediaan akses pasaran secara e-dagang.

“Langkah ini seiring dengan matlamat utama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Jabatan Pertanian untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai suatu industri yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan,” katanya ketika melancarkan Program Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021) secara dalam talian pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Eliyas Saad, Timbalan Ketua Pengarah Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan), Datuk Zahimi Hassan.

Dalam pada itu, Ronald berkata, VAE 2021 anjuran Jabatan Pertanian Malaysia (JPM) merupakan program pengembangan teknologi pertanian terkini yang dirangka khusus untuk merencanakan lagi industri agromakanan negara dalam keadaan norma baharu.

Menurutnya, penganjuran VAE 2021 tersebut selaras dengan dasar dan usaha MAFI yang memberi penekanan khusus terhadap strategi pemodenan dan pertanian pintar melalui penggubalan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang akan dilancarkan dalam masa terdekat.

Jelas beliau, usaha memacu modenisasi dalam agromakanan adalah selari dengan aspirasi nasional ke arah merevolusikan Industri 4.0 dalam sektor ekonomi negara.

“Program ini juga menggalakkan penglibatan pihak industri di bawah subsektor tanaman untuk membuka peluang perniagaan secara kontrak ladang melalui aktiviti pepadanan perniagaan (business matching) dengan pengeluar hasil pertanian untuk pasaran domestik dan eksport.

“Melalui VAE 2021, peserta berpeluang untuk berkongsi kepakaran teknologi pertanian terbaik yang diamalkan oleh syarikat pertanian terkemuka di dunia.



Poster program Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021).

“Selain itu, program tersebut juga dapat membantu MAFI memperluas dan memperkasakan pemasaran hasil pertanian melalui platform e-dagang untuk mempertingkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan hasil pertanian bagi pasaran domestik dan antarabangsa,” katanya.

Tambah beliau, penganjuran program VAE pada kali ini melibatkan kerjasama strategik bersama pihak swasta termasuk penyertaan syarikat luar negara daripada Belanda, Australia, Korea Selatan dan Afrika Selatan bagi berkongsi kepakaran teknologi pertanian yang terkini melalui pembentangan khas.

Katanya, antara perkongsian yang diberikan ialah berkaitan Climate Control Farming Technology, Integrated, Pest Management in Biological Control, Incubator Technology and Water Treatment Technology yang merupakan elemen penting dalam pembangunan sektor agromakanan negara.

“Bagi memastikan tiada pihak yang ketinggalan dan lebih ramai pengguna dapat mengakses maklumat serta teknologi yang disampaikan dalam webinar tersebut, program itu akan disiarkan selama 30 hari di laman web rasmi program iaitu [www.vae2021.com](http://www.vae2021.com).

“Malah program tersebut turut dikongsi di semua platform media sosial Jabatan Pertanian seperti Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube TV Pertanian,” katanya.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/161430/BISNES/Sumbangan-sektor-agromakanan-kepada-KDNK-meningkat-68-peratus>

Headline	DAN 2.0 fokus kepada pertanian pintar		
MediaTitle	Kosmo		
Date	15 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	12	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	363 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh ZULKIFLI MANZOR	AdValue	RM 9,457
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,370



RONALD ketika merasmikan VAE 2021 secara maya semalam.

Utamakan pemodenan industri makanan

# DAN 2.0 fokus kepada pertanian pintar

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**PETALING JAYA** - Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang akan dilancarkan dalam tempoh terdekat akan memberi penekanan khusus terhadap strategi pemodenan dan pertanian pintar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang berkata, ia merupakan aspirasi utama yang perlu dicapai negara dalam tempoh 10 tahun akan datang iaitu dari tahun 2021 hingga 2030.

Menurut beliau, penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kuantiti hasil tanaman dan seterusnya dapat meningkatkan

produktiviti secara keseluruhan.

"Hasil pertanian juga dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi pertanian pintar seperti *precision farming*, *Internet of Thing (IoT)*, data raya, kecerdasan buatan, blok rantai serta dron bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja.

"Seterusnya, penggunaan teknologi juga dapat mengurangkan guna tenaga terutama pekerja asing," katanya pada Majlis Perasmian Program Virtual Agrotechnology Extension (VAE) 2021 semalam.

Program VAE 2021 merupakan program pengembangan teknologi pertanian terkini yang dirangka khusus untuk merencanakan

lagi industri agromakanan negara dalam keadaan norma baharu.


Melalui VAE 2021, peserta berpeluang berkongsi kepakaran teknologi pertanian terbaik yang diamalkan oleh syarikat pertanian terkemuka di dunia.

Ronald berkata, bagi meningkatkan tahap penggunaan teknologi, pihaknya akan terus melipatgandakan usaha untuk menarik penyertaan lebih ramai belia sebagai pengeluar makanan dan penyedia perkhidmatan teknologi.

Kata beliau, penumpuan juga akan diberi kepada peningkatan kompetensi teknikal pegawai pengembangan agar mampu melaksanakan pemindahan teknologi kepada pengeluar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	KOSMO	ONLINE	

## DAN 2.0 FOKUS KEPADA PERTANIAN PINTAR



PETALING JAYA – Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang akan dilancarkan dalam tempoh terdekat akan memberi penekanan khusus terhadap strategi pemodenan dan pertanian pintar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald

Kiandee berkata, ia merupakan aspirasi utama yang perlu dicapai negara dalam tempoh 10 tahun akan datang iaitu dari tahun 2021 hingga 2030.


Menurut beliau, penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kuantiti hasil tanaman dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti secara keseluruhan.

“Hasil pertanian juga dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi pertanian pintar seperti “precision farming”, internet kebendaan, data raya, kecerdasan buatan, blok rantai serta dron bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja.

“Seterusnya, penggunaan teknologi juga dapat mengurangkan guna tenaga terutama pekerja asing,” katanya pada Majlis Perasmian Program “Virtual Agrotechnology Extension 2021” hari ini. – K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	BERNAMA	ONLINE	

## VAE 2021 dilancar buka peluang kongsi kepakaran bidang tani



Kredit : Fb Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

PUTRAJAYA, 14 Sept – Pemain industri pertanian Malaysia berpeluang mengikuti perkongsian amalan teknologi pertanian terbaik oleh syarikat pertanian terkemuka dunia secara maya melalui program Virtual Agrotechnology Extension (VAE) 2021 yang dilancarkan hari ini.

Program dua hari anjuran Jabatan Pertanian yang telah menarik hampir 3,000 peserta itu, diisi dengan sesi webinar dan taklimat pemain industri luar negara selain membolehkan peserta melawat reruai digital dan mendapatkan hasil segar pertanian dan produk industri asas tani secara dalam talian.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata program VAE 2021 itu menggalakkan penglibatan pihak industri di bawah subsektor tanaman untuk membuka peluang perniagaan secara kontrak ladang melalui aktiviti pepadanan perniagaan dengan pengeluar hasil pertanian untuk pasaran domestik dan eksport.



"VAE 2021 dapat membantu kementerian memperluas dan memperkasakan pemasaran hasil pertanian melalui platform e-dagang untuk mempertingkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan hasil pertanian bagi pasaran domestik dan antarabangsa," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sebelum ini, Jabatan Pertanian menganjurkan program penemusuaan sejak 2018 dengan meraih nilai kontrak produk pertanian melebihi RM10 juta dan VAE 2021 merupakan program baharu diperkenal dalam konteks pengembangan teknologi pertanian terkini.

VAE 2021 juga akan bersiaran selama 30 hari dengan pameran digital yang boleh diakses menerusi [www.vae2021.com](http://www.vae2021.com) atau di semua platform media sosial Jabatan Pertanian seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube TV Pertanian bagi membolehkan lebih ramai pengguna mendapat manfaat.

Ia juga melibatkan kerjasama strategik bersama pihak swasta termasuk penyertaan syarikat luar negara dari Belanda, Australia, Korea Selatan dan Afrika Selatan bagi berkongsi kepakaran teknologi pertanian terkini melalui beberapa pembentangan khas antaranya *Climate Control Farming Technology* dan *Integrated Pest Management in Biological Control* dan *Incubator Technology and Water Treatment Technology*.

Ronald berkata sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus kepada RM51.3 bilion pada 2020 berbanding RM28.3 bilion pada 2011 dengan subsektor tanaman masih kekal sebagai penyumbang utama iaitu RM24.1 bilion berbanding subsektor lain di bawah sektor agromakanan.

Beliau berkata produktiviti dan hasil pertanian akan dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi pertanian pintar seperti pertanian presis, Internet Benda, data raya, kecerdasan buatan, blok rantai dan dron bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja.

"Penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kuantiti hasil tanaman seterusnya dapat meningkatkan produktiviti secara keseluruhan," katanya.

Tumpuan juga akan diberikan kepada peningkatan kompetensi teknikal pegawai pengembangan agar mampu melaksanakan pemindahan teknologi kepada pengeluar makanan serta menyediakan persekitaran yang kondusif untuk penerimgunaan teknologi oleh golongan sasaran.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

## VAE 2021 PROVIDES OPPORTUNITIES FOR SHARING OF AGRICULTURE EXPERTISE



**PUTRAJAYA, Sept 14** -- Malaysian agricultural industry players have the opportunity now to participate in the sharing of best agriculture technology practices by leading agriculture companies through the Virtual Agrotechnology Extension (VAE) 2021 launched today.

The two-day programme from today, organised by the Agriculture Department, has attracted the participation of 3,000 people who have access to the webinar sessions and briefings by overseas industry players, besides visiting the digital booths and getting fresh agriculture produce and agro-based industrial products online.

Agriculture and Food Industries Minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the VAE 2021 programme encouraged the participation of industries under the crop sub-sectors to provide business opportunities on a contract farming basis through business matching with the producers of agricultural products for both the domestic and export markets.

"The VAE 2021 could help the ministry expand and empower the marketing of agriculture produce through the e-commerce platform to enhance the marketability and availability of agriculture products for the domestic and international markets," he said in a statement today.

Prior to this, the Agriculture Department had organised a collaboration programme since 2018 and managed to garner agriculture produce contracts exceeding RM10 million and VAE 2021 is the latest programme introduced in the context of developing the latest agriculture technology.

The VAE 2021 will be broadcast for 30 days with digital exhibitions that can be accessed via [www.vae2021.com](http://www.vae2021.com) or on all the Agriculture Department's social media platforms like Facebook, Twitter, Instagram and YouTube Agriculture TV for the benefit of more people.

It involves strategic cooperation with the private sector and the participation of outside companies like from the Netherlands, Australia, South Korea and South Africa to share their latest agriculture technology expertise through several special presentations like Climate Control Farming Technology and Integrated Pest Management in Biological Control and Incubator Technology and Water Treatment Technology.

Ronald said the agro-food sector contributed a growth of 6.8 per cent to the Gross Domestic Product (GDP) to RM51.3 billion in 2020 compared with RM28.3 billion in 2011 with the agriculture sub-sector continuing to be the main contributor at RM24.1 billion compared with the other sub-sectors in the agro-food sector.

He said productivity and agriculture products could be further increased through the use of smart agriculture technology like precision farming, material Internet big data, artificial intelligence, chain blocks, drones for mapping activities, seed distribution, pesticide and fertiliser spraying.

“The use of technology can contribute to improving the quality and quantity of crops, which in turn can increase productivity overall,” he said.

He added that focus would also be given to enhancing the technical competency of agriculture development officers so that they would be able to implement the transfer of technology to the food producers as well as creating a conducive environment for technology acceptance among the target groups.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	MALAY MAIL	ONLINE	

## AGRICULTURE DEPT: VIRTUAL AGROTECHNOLOGY EXTENSION 2021 PROVIDES OPPORTUNITIES FOR SHARING OF AGRICULTURE EXPERTISE



**PUTRAJAYA, Sept 14** — Malaysian agricultural industry players have the opportunity now to participate in the sharing of best agriculture technology practices by leading agriculture companies through the Virtual Agrotechnology Extension (VAE) 2021 launched today.

The two-day programme from today, organised by the Agriculture Department, has attracted the participation of 3,000 people who have access to the webinar sessions and briefings by overseas

industry players, besides visiting the digital booths and getting fresh agriculture produce and agro-based industrial products online.

Agriculture and Food Industries Minister, Datuk Seri Ronald Kiandee said the VAE 2021 programme encouraged the participation of industries under the crop sub-sectors to provide business opportunities on a contract farming basis through business matching with the producers of agricultural products for both the domestic and export markets.

“The VAE 2021 could help the ministry expand and empower the marketing of agriculture produce through the e-commerce platform to enhance the marketability and availability of agriculture products for the domestic and international markets,” he said in a statement today.

Prior to this, the Agriculture Department had organised a collaboration programme since 2018 and managed to garner agriculture produce contracts exceeding RM10 million and VAE 2021 is the latest programme introduced in the context of developing the latest agriculture technology.

The VAE 2021 will be broadcast for 30 days with digital exhibitions that can be accessed via [www.vae2021.com](http://www.vae2021.com) or on all the Agriculture Department’s social media platforms like Facebook, Twitter, Instagram and YouTube Agriculture TV for the benefit of more people.

It involves strategic cooperation with the private sector and the participation of outside companies like from the Netherlands, Australia, South Korea and South Africa to share their latest agriculture technology expertise through several special presentations like Climate Control Farming Technology and Integrated Pest Management in Biological Control and Incubator Technology and Water Treatment Technology.

Ronald said the agro-food sector contributed a growth of 6.8 per cent to the Gross Domestic Product (GDP) to RM51.3 billion in 2020 compared with RM28.3 billion in 2011 with the agriculture sub-sector continuing to be the main contributor at RM24.1 billion compared with the other sub-sectors in the agro-food sector.

He said productivity and agriculture products could be further increased through the use of smart agriculture technology like precision farming, material Internet big data, artificial intelligence, chain blocks, drones for mapping activities, seed distribution, pesticide and fertiliser spraying.

“The use of technology can contribute to improving the quality and quantity of crops, which in turn can increase productivity overall,” he said.

He added that focus would also be given to enhancing the technical competency of agriculture development officers so that they would be able to implement the transfer of technology to the food producers as well as creating a conducive environment for technology acceptance among the target groups. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	THE SUN DAILY	ONLINE	

## VAE 2021 PROVIDES OPPORTUNITIES FOR SHARING OF AGRICULTURE EXPERTISE



**PUTRAJAYA:** Malaysian agricultural industry players have the opportunity now to participate in the sharing of best agriculture technology practices by leading agriculture companies through the Virtual Agrotechnology Extension (VAE) 2021 launched today.

The two-day programme from today, organised by the Agriculture Department, has attracted the participation of 3,000 people who have access to the webinar sessions and briefings by overseas industry players, besides visiting the

digital booths and getting fresh agriculture produce and agro-based industrial products online.

Agriculture and Food Industries Minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the VAE 2021 programme encouraged the participation of industries under the crop sub-sectors to provide business opportunities on a contract farming basis through business matching with the producers of agricultural products for both the domestic and export markets.

“The VAE 2021 could help the ministry expand and empower the marketing of agriculture produce through the e-commerce platform to enhance the marketability and availability of agriculture products for the domestic and international markets,” he said in a statement today.

Prior to this, the Agriculture Department had organised a collaboration programme since 2018 and managed to garner agriculture produce contracts exceeding RM10 million and VAE 2021 is the latest programme introduced in the context of developing the latest agriculture technology.

The VAE 2021 will be broadcast for 30 days with digital exhibitions that can be accessed via [www.vae2021.com](http://www.vae2021.com) or on all the Agriculture Department’s social media platforms like Facebook, Twitter, Instagram and YouTube Agriculture TV for the benefit of more people.

It involves strategic cooperation with the private sector and the participation of outside companies like from the Netherlands, Australia, South Korea and South Africa to share their latest agriculture technology expertise through several special presentations like Climate Control Farming Technology and Integrated Pest Management in Biological Control and Incubator Technology and Water Treatment Technology.

Ronald said the agro-food sector contributed a growth of 6.8 percent to the Gross Domestic Product (GDP) to RM51.3 billion in 2020 compared with RM28.3 billion in 2011 with the agriculture sub-sector continuing to be the main contributor at RM24.1 billion compared with the other sub-sectors in the agro-food sector.

He said productivity and agriculture products could be further increased through the use of smart agriculture technology like precision farming, material Internet big data, artificial intelligence, chain blocks, drones for mapping activities, seed distribution, pesticide and fertiliser spraying.

“The use of technology can contribute to improving the quality and quantity of crops, which in turn can increase productivity overall,” he said.

He added that focus would also be given to enhancing the technical competency of agriculture development officers so that they would be able to implement the transfer of technology to the food producers as well as creating a conducive environment for technology acceptance among the target groups. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Dasar Agromakanan Negara fokus strategi pertanian pintar



Ronald Kiandee

KUALA LUMPUR – Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang akan dilancarkan dalam masa terdekat ini memberi penekanan khusus terhadap strategi pemodenan dan pertanian pintar kerana ianya merupakan aspirasi utama yang perlu dicapai dalam

tempoh 10 tahun akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kuantiti hasil tanaman seterusnya dapat meningkatkan produktiviti secara keseluruhan.

Oleh itu, hasil pertanian juga dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi pertanian pintar seperti *precision farming*, internet kebendaan (internet of things, IOT), data raya (big data), kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), blok rantai (*blockchain*) serta dron bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja.

Penggunaan teknologi juga dapat mengurangkan guna tenaga terutamanya pekerja asing.

Beliau berkata, bagi meningkatkan tahap penggunaan teknologi, kementerian ini akan terus melipatgandakan usaha untuk menarik penyertaan lebih ramai belia sebagai pengeluar makanan dan penyedia perkhidmatan teknologi.

”Penumpuan juga akan diberi kepada peningkatan kompetensi teknikal pegawai pengembangan agar mampu melaksanakan pemindahan teknologi kepada pengeluar makanan serta menyediakan persekitaran yang kondusif untuk penerimgunaan teknologi oleh golongan sasar melalui kemudahan kewangan, pendigitalan produk serta penyediaan akses pasaran secara e-dagang.

”Selain itu, usaha memacu modenisasi dalam agromakanan adalah selari dengan aspirasi nasional ke arah merevolusikan Industri 4.0 di dalam sektor ekonomi negara,” katanya ketika melancarkan Program Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021) secara dalam talian hari ini.

Ronald berkata, DAN 2.0 turut menyokong semua usaha di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dalam memodenkan sektor agromakanan iaitu mempercepatkan penggunaan teknologi moden, meningkatkan produktiviti ladang, mewujudkan sistem rantaian nilai yang cekap, memperkukuhkan keluaran pertanian bersasar dan meningkatkan nilai tambah industri makanan dan asas tani.

Selaras dengan dasar-dasar dan usaha-usaha kementerian, beliau menyifatkan Program Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021) pada hari ini bertepatan diadakan kerana memberi peluang kepada semua peserta untuk berkongsi kepakaran teknologi pertanian terbaik yang diamalkan oleh syarikat pertanian terkemuka di dunia kepada pemain industri pertanian di Malaysia.



Ia juga menggalakkan penglibatan pihak industri di bawah sub-sektor tanaman untuk membuka peluang perniagaan secara kontrak ladang melalui aktiviti pepadanan perniagaan untuk pasaran domestik dan eksport.

"Saya melihat program ini melibatkan kerjasama strategik dengan pihak industri daripada luar negara bagi perkongsian kepakaran teknologi pertanian yang terkini.

"Langkah ini seiring dengan matlamat utama kementerian dan untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai suatu industri yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan," ujarnya. – MalaysiaGazette

15 SEP, 2021

## Sumbangan sektor agromakanan kepada KDNK meningkat: Ronald

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2


# Sumbangan sektor agromakanan kepada KDNK meningkat: Ronald

### Menyumbang RM51.3b pada 2020 berbanding RM28.3b pada 2011

Oleh Adriana Mroon Ambrose

**PUTRAJAYA:** Sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus kepada RM51.3 bilion pada tahun 2020 berbanding RM28.3 bilion pada tahun 2011.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, subsektor tanaman pula masih kekal sebagai penyumbang utama iaitu RM24.1 bilion berbanding dengan subsektor yang lain di bawah sektor agromakanan.



**SUMBANGAN MENINGKAT:** Subsektor tanaman masih kekal sebagai penyumbang utama iaitu RM24.1 bilion berbanding dengan subsektor yang lain di bawah sektor agromakanan, kata Ronald.

“Penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kuantiti hasil tanaman seterusnya dapat meningkatkan produktiviti secara keseluruhan.”

Datuk Seri Dr Ronald Khandee  
Menteri Pertanian dan Industri Makanan

Beliau berkata, produktiviti dan hasil pertanian akan dapat ditingkatkan lagi melalui penggunaan teknologi pertanian pintar seperti precision farming, internet of things (IoT), big data, artificial intelligence (AI), blockchain serta dron bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja.

“Penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kuantiti hasil tanaman seterusnya dapat meningkatkan produktiviti secara keseluruhan,” katanya ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Virtual Agro-technology Extension 2021 (VAE 2021) anjuran Jabatan Pertanian Malaysia secara maya semalam.

Ronald berkata, pengumuman VAE 2021 adalah selaras dengan dasar dan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang memberi penekanan khusus terhadap strategi

pemodenan dan pertanian pintar melalui penggabulan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hanzah dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Sementara itu, Ronald berkata, tumpuan juga akan diberikan kepada peningkatan kompetensi teknikal pegawai pembangunan agar mampu melaksanakan pemindahan teknologi kepada pengeluar makanan serta menyediakan persekitaran yang kondusif untuk penerimaan teknologi oleh golongan sasaran melalui kemudahan kewangan, pendigitalan produk serta penyediaan akses pasaran secara e-dagang.

“Langkah ini adalah seiring dengan matlamat utama MAFI dan Jabatan Pertanian

untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai suatu industri yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan,” katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai VAE 2021, Ronald berkata, program itu merupakan program pengembangan teknologi pertanian terkini yang dirangka khusus untuk merancakkan lagi industri agromakanan negara dalam keadaan norma baharu.

Melalui program itu, beliau berkata, peserta berpeluang untuk berkongsi kepakaran teknologi pertanian terbaik yang diamalkan oleh syarikat pertanian terkemuka di dunia.

“Program ini juga menggalakkan penglibatan pihak industri di bawah subsektor tanaman untuk membuka peluang perniagaan secara kontrak ladang melalui aktiviti penanaman perniagaan dengan pengeluar hasil pertanian untuk pasaran domestik dan eksport,” katanya.

Pengumuman program VAE, kata Ronald, melibatkan kerjasama strategik bersama pihak swasta termasuk penyertaan syarikat luar negara daripada Belanda, Australia, Korea Selatan dan Afrika Selatan.

Menurutnya, ia bagi berkongsi kepakaran te-

knologi pertanian yang terkini melalui pembentangan khas berkaitan Climate Control Farming Technology, Integrated Pest Management in Biological Control, Incubator Technology and Water Treatment Technology yang merupakan elemen penting dalam pembangunan sektor agromakanan negara.

Tambahnya lagi, antara pihak yang berkolaboratif menyiapkan program pada tahun ini, termasuk Syarikat ABS Greentech Sdn Bhd, Priva Horticulture B.V (Belanda), Lentiz Education Group (Belanda), Rijk Zwaan (Belanda), Koppert Biological System (Belanda), Powerplants (Australia), Tinsyon (Korea Selatan), Consume-It (Afrika Selatan), Syarikat Ourfarm Asia Sdn Bhd (Air Asia), Persatuan Pekebun Buah-Buahan Malaysia (MFFA) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

“Bagi memastikan tiada pihak yang ketinggalan dan lebih ramai pengguna dapat mengakses maklumat serta teknologi yang disampaikan dalam webinar ini, program ini akan disiarkan selama 30 hari di laman web rasmi program iaitu [www.vae2021.com](http://www.vae2021.com).

“Program ini turut dikongsi di semua platform media sosial Jabatan Pertanian seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube TV Pertanian,” ujarnya.



15 SEP, 2021

## Sumbangan sektor agromakanan kepada KDNK meningkat: Ronald

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Menyumbang RM51.3b pada 2020 berbanding RM28.3b pada 2011

PUTRAJAYA: Sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus kepada RM51.3 bilion pada tahun 2020 berbanding RM28.3 bilion pada tahun 2011. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, subsektor tanaman pula masih kekal sebagai penyumbang utama, iaitu RM24.1 bilion berbanding dengan subsektor yang lain di bawah sektor agromakanan.



15 SEP, 2021

## Sumbangan sektor agromakanan kepada KDNK meningkat: Ronald

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### Sumbangan sektor agromakanan kepada KDNK meningkat: Ronald

Oleh Adriana Mroon Ambrose

**PUTRAJAYA:** Sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus kepada RM51.3 bilion pada tahun 2020 berbanding RM28.3 bilion pada tahun 2011.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, subsektor tanaman pula masih kekal sebagai penyumbang utama iaitu RM24.1 bilion berbanding dengan subsektor yang lain di bawah sektor agromakanan.

Beliau berkata, produktiviti dan hasil pertanian akan dapat ditingkatkan lagi melalui penggunaan teknologi pertanian pintar seperti precision farming, internet of things (IOT), big data, artificial intelligence (AI), blockchain serta dron bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja.

"Penggunaan teknologi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti serta kuantiti hasil tanaman seterusnya dapat meningkatkan produktiviti secara keseluruhan," katanya ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Virtual Agrotechnology Extension 2021 (VAE 2021) anjuran Jabatan Pertanian Malaysia secara maya semalam.

Ronald berkata, penganjuran VAE 2021 adalah selaras dengan dasar dan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang memberi penekanan khusus terhadap strategi pemodenan dan pertanian pintar melalui penggubalan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang akan dilancarkan dalam masa terdekat.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Sementara itu, Ronald berkata, tumpuan juga akan diberikan kepada peningkatan kompetensi teknikal pegawai pembangunan agar mampu melaksanakan pemindahan teknologi kepada pengeluar makanan serta menyediakan persekitaran yang kondusif untuk penerimgunaan teknologi oleh golongan sasar melalui kemudahan kewangan, pendigitalan produk serta penyediaan akses pasaran secara e-dagang.

"Langkah ini adalah seiring dengan matlamat utama MAFI dan Jabatan Pertanian untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai suatu industri yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi

tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai VAE 2021, Ronald berkata, program itu merupakan program pengembangan teknologi pertanian terkini yang dirangka khusus untuk merancakkan lagi industri agromakanan negara dalam keadaan norma baharu.

Melalui program itu, beliau berkata, peserta berpeluang untuk berkongsi kepakaran teknologi pertanian terbaik yang diamalkan oleh syarikat pertanian terkemuka di dunia.

"Program ini juga menggalakkan penglibatan pihak industri di bawah subsektor tanaman untuk membuka peluang perniagaan secara kontrak ladang melalui aktiviti pemadanan perniagaan dengan pengeluar hasil pertanian untuk pasaran domestik dan eksport," katanya.

Penganjuran program VAE, kata Ronald, melibatkan kerjasama strategik bersama pihak swasta termasuk penyertaan syarikat luar negara daripada Belanda, Australia, Korea Selatan dan Afrika Selatan.

Menurutnya, ia bagi berkongsi kepakaran teknologi pertanian yang terkini melalui pembentangan

khas berkaitan Climate Control Farming Technology, Integrated Pest Management in Biological Control, Incubator Technology and Water Treatment Technology yang merupakan elemen penting dalam pembangunan sektor agromakanan negara.

Tambahnya lagi, antara pihak yang berkolaboratif menjayakan program pada tahun ini, termasuk Syarikat ABS Greentech Sdn Bhd, Priva Horticulture B.V (Belanda), Lentiz Education Group (Belanda), Rijk Zwaan (Belanda), Koppert Biological System (Belanda), Powerplants (Australia), Tynysun (Korea Selatan), Consume-It (Afrika Selatan), Syarikat Ourfarm Asia Sdn Bhd (Air Asia), Persatuan Pekebun Buah-Buahan Malaysia (MFFA) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Bagi memastikan tiada pihak yang ketinggalan dan lebih ramai pengguna dapat mengakses maklumat serta teknologi yang disampaikan dalam webinar ini, program ini akan disiarkan selama 30 hari di laman web rasmi program iaitu [www.vae2021.com](http://www.vae2021.com).

"Program ini turut dikongsi di semua platform media sosial Jabatan Pertanian seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube TV Pertanian," ujarnya.



15 SEP, 2021

## Sumbangan sektor agromakanan kepada KDNK meningkat: Ronald

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES


PUTRAJAYA: Sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus kepada RM51.3 bilion pada tahun 2020 berbanding RM28.3 bilion pada tahun 2011. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, subsektor tanaman pula masih kekal sebagai penyumbang utama iaitu RM24.1 bilion berbanding dengan subsektor yang lain di bawah sektor agromakanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	NANYANG	ONLINE	

财经新闻

## 年增6.8% 农业去年贡献513亿

2021年09月14日



罗纳建迪：农业仍是国家经济最大的贡献者。

（吉隆坡14日讯）我国粮农工业去年为国内生产总值（KDNK）贡献513亿令吉，相较于2011年的283亿令吉，达到6.8%的年均增长率。

农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪博士说，和粮农工业的其他次领域相比，种植仍然是此领域最重要的部分，带来241亿令吉的收入。

罗纳建迪今天为线上农业技术展（VAE2021）主持开幕时，如此表示。大会的海外合作伙伴，包括来自荷兰、

澳洲、韩国、南非等的专才，也分享了最新的农业技术。

他说，数字经济已改变农业发展趋势，加上新技术的涌现，接下来必须以智能技术，将农业推往高质量发展，这包括更精准掌握农业发展、物联网（IOT）、大数据、人工智能（AI）、区块链、以无人机播种、喷射农药肥料等，将能提升我国农业的综合效益。


他说，这些先进的技术，可以加强整体的生产力，包括提高产量、质量和数量，为粮食生产带来更有利的作业环境。

他说，把产品数字化发展，再以电子商务形式进入销售市场，将是其部门的最终目标；这将让粮农工业以更高科技，及更具弹性的作业模式下，协助推动经济发展，同时也能为消费者带来更安全和具有营养的农粮。

“掌握好农业发展技术，有助于国家在新常态中加强农业发展，包括开拓更广泛的出口商机。”

他表示，其部门也致力于推动现代化粮农工业发展，以迎合工业4.0的生态。

为此，其部门将以现代化方式，通过智能农业落实2021年至2030年国家粮食政策2.0（DAN 2.0），以确保农业更具竞争力。



线上农业技术展（VAE2021）旨在为我国农业领域带来更全面的信息，以推进农业现代化发展。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Siasat punca kenaikan sebelum laksanakan skim kawalan harga



Sebahagian peniaga ayam di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur menjual ayam dengan harga RM9.50 sekilogram ketika tinjauan semalam. - NSTP/Aswadi Alias

KUALA LUMPUR: Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menjangkakan sebahagian besar rangkaian pengusaha ternakan ayam dan telur di negara ini akan terjejas sekiranya kerajaan melaksanakan skim kawalan harga.

Penasihatnya, Datuk Jeffrey Ng, berkata langkah itu hanya sesuai dilaksanakan jika kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu mengenal pasti punca sebenar dan menyiasat secara menyeluruh kenaikan harga ayam dan telur di setiap rangkaian merangkumi penternak, pemborong dan peruncit.

"Dalam sesi libat urus bersama KPDNHEP dan MAFI pagi tadi, pihak kementerian ada mencadangkan pelaksanaan kawalan harga yang mungkin terpaksa dibuat jika harga tidak mampu dikawal.

"Di pihak penternak, kami memahami perkara ini kerana sebagai pengguna tentunya membebankan dan menjejaskan kuasa beli pengguna.

"Bagaimanapun, kami menyarankan kementerian berkaitan menyiasat dahulu secara terperinci punca sebenar kepada kenaikan harga ini. Ia bukan sahaja disebabkan masalah dihadapi penternak kerana kos makanan ayam meningkat, tetapi cabaran lain adalah merungkai sama ada terdapat pihak dalam rangkaian mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan berlipat kali ganda," katanya kepada BH, hari ini.

Jeffrey berkata, pihaknya menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat sama ada terdapat kartel yang menjadi dalang di sebalik kenaikan harga berkenaan.

"Di pihak penternak, kami hanya bertindak sebagai pembekal ayam dan telur dari ladang, tetapi rangkaian keseluruhan lebih besar dan tidak dapat dipastikan di peringkat mana jika benar berlaku kawalan kartel terhadap harga semasa kedua-dua makanan asas berkenaan.

"Misalnya, ada di antara peniaga di pasar yang mendapatkan bekalan ayam daripada beberapa orang tengah melalui rangkaian yang berlapis-lapis dengan tempahan tidak dibuat terus kepada penternak, ini menyebabkan agak sukar untuk mengenal pasti jika ada pihak yang mengambil kesempatan.

"Justeru, kami amat berharap, kerajaan dapat mengambil tindakan dengan menyiasat dan mengenakan hukuman tegas jika didapati ada pihak yang mengambil keuntungan secara berlebihan," katanya.



Beliau turut berharap kerajaan mempertimbangkan cadangan pemberian bantuan pinjaman kepada penternak dalam usaha memulihkan semula pendapatan mereka yang terjejas, sekali gus membolehkan pengeluaran ayam dan telur dapat dibuat seperti biasa.

"Saya berharap kerajaan dapat menyalurkan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah supaya dapat memulihkan pendapatan penternak yang terjejas sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama dilaksanakan.

"Melalui bantuan ini, sekurang-kurangnya dapat membantu penternak supaya boleh kembali kepada operasi normal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	MELAKA HARI INI	ONLINE	

## Pendekatan baharu tangani isu harga ayam



Gambar hiasan.

PUTRAJAYA 13 Sept – Satu pendekatan baharu dilaksanakan bagi menangani isu kenaikan harga ayam dengan membabitkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga peringkat borong dan runcit untuk mengadakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam di lokasi berlakunya kenaikan harga.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

berkata, pendekatan itu membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah.

“Pendekatan ini juga bertujuan memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantaian pengedaran sewenang-wenangnya,” kata Nanta yang mengambil maklum laporan berhubung harga ayam di pasaran sejak kebelakangan ini, dalam satu kenyataan hari ini.



NANTA. Gambar fail.

Beliau berkata tindakan tegas seperti kompaun maksimum atau pendakwaan di mahkamah akan diambil sekiranya peniaga enggan memberi kerjasama menjayakan pendekatan baharu tersebut.

Nanta berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak bercadang untuk memperkenalkan kawalan harga tambahan selain yang dilaksanakan ketika musim perayaan besar Malaysia di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Namun, tegasnya KPDNHEP tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan kawalan harga jika harga terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapatnya kartel yang memnipulasi harga di semua peringkat rantaian.

“KPDNHEP sentiasa memantau harga barangan melalui lebih 1,000 Pegawai Pemantau Harga yang mengutip harga setiap hari yang mana trend pergerakan harga diketahui dan tindakan segera diambil ke atas premis yang menjual pada harga tidak munasabah berdasarkan pemantauan ini tanpa menunggu aduan daripada pengguna,” katanya.

Nanta berkata pemantauan harga runcit pada 10 September mendapati harga purata ayam bersih standard peringkat nasional adalah pada RM8.83/kilogram (kg).

Di Semenanjung, menurutnya harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78/kg dan julat harga jualan adalah antara RM5.99/kg hingga RM11/kg.

Beliau berkata premis yang menjual pada harga melebihi RM9/kg terdiri daripada pasar basah dan awam, dan harga paling tinggi adalah RM11/kg dikesan dijual di Pasar Besar Raub, Pahang.

Nanta berkata, pasar raya dan pasar raya besar masih menawarkan ayam bersih standard pada harga yang berpatutan.

Premis yang menjual pada harga paling rendah pada RM5.99/kg adalah Pasaraya Tesco/Lotus di seluruh negara, manakala pasaraya Giant, Mydin dan Econsave menawarkan ayam pada harga RM7.39 hingga RM7.99/kg.

“Pengguna dinasihatkan untuk bijak dalam memilih tempat dan masa untuk membeli ayam pada harga patut,” katanya.

Di Sabah, harga purata ayam bersih standard adalah pada RM11.33/kg dengan harga paling tinggi adalah RM11.80/kg dijual di Gentingmas Mall, Sandakan manakala harga paling rendah RM10.90/kg dijual di Pasar Basah Sibuga, Batu 8 di Sandakan.

Di Sarawak pula, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.56/kg dengan harga paling tinggi adalah RM9.80/kg dijual di Central Market, Sarikei manakala harga paling rendah adalah RM7.50/kg dijual di Everwin Supermarket, Mukah.

Nanta berkata, KPDNHEP akan mengadakan perbincangan berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk memastikan faktor hulu seperti harga dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan harga anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat hiliran dapat diminimumkan dan terurus.

Industri dan bekalan ayam dikawal selia oleh MAFI manakala KPDNHEP berkaitan polisi harga ayam di pasaran.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA

SURAT

15/9/2021

BERNAMA

ONLINE

## Pendekatan baharu tangani isu harga ayam



PUTRAJAYA, 13 Sept – Satu pendekatan baharu dilaksanakan bagi menangani isu kenaikan harga ayam dengan membabitkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga peringkat borong dan runcit untuk mengadakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam di lokasi atau lokaliti berlakunya kenaikan harga.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata pendekatan itu membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah.

"Pendekatan ini juga bertujuan memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantaian pengedaran sewenang-wenangnya," kata Nanta yang mengambil maklum laporan berhubung harga ayam di pasaran sejak kebelakangan ini, dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata tindakan tegas seperti kompaun maksimum atau pendakwaan di mahkamah akan diambil sekiranya peniaga enggan memberi kerjasama menjayakan pendekatan baharu tersebut.

Nanta berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak bercadang untuk memperkenalkan kawalan harga tambahan selain yang dilaksanakan ketika musim perayaan besar Malaysia di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Namun, tegasnya KPDNHEP tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan kawalan harga jika harga terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapatnya kartel yang memunipulasi harga di semua peringkat rantaian.

"KPDNHEP sentiasa memantau harga barangan melalui lebih 1,000 Pegawai Pemantau Harga yang mengutip harga setiap hari yang mana trend pergerakan harga diketahui dan tindakan segera diambil ke atas premis yang menjual pada harga tidak munasabah berdasarkan pemantauan ini tanpa menunggu aduan daripada pengguna," katanya.

Nanta berkata pemantauan harga runcit pada 10 Sept (2021) mendapati harga purata ayam bersih standard peringkat nasional adalah pada RM8.83/kilogram (kg).

Di Semenanjung, menurutnya harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78/kg dan julat harga jualan adalah antara RM5.99/kg hingga RM11/kg.

Beliau berkata premis yang menjual pada harga melebihi RM9/kg terdiri daripada pasar basah dan awam, dan harga paling tinggi adalah RM11/kg dikesan dijual di Pasar Besar Raub, Pahang.

Nanta berkata pasar raya dan pasar raya besar masih menawarkan ayam bersih standard pada harga yang berpatutan.

Premis yang menjual pada harga paling rendah pada RM5.99/kg adalah Pasaraya Tesco/Lotus di seluruh negara, manakala pasaraya Giant, Mydin dan Econsave menawarkan ayam pada harga RM7.39 hingga RM7.99/kg.

"Pengguna dinasihatkan untuk bijak dalam memilih tempat dan masa untuk membeli ayam pada harga patut," katanya.

Di Sabah, harga purata ayam bersih standard adalah pada RM11.33/kg dengan harga paling tinggi adalah RM11.80/kg dijual di Gentingmas Mall, Sandakan manakala harga paling rendah RM10.90/kg dijual di Pasar Basah Sibuga, Batu 8 di Sandakan.

Di Sarawak pula, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.56/kg dengan harga paling tinggi adalah RM9.80/kg dijual di Central Market, Sarikei manakala harga paling rendah adalah RM7.50/kg dijual di Everwin Supermarket, Mukah.

Nanta berkata KPDNHEP akan mengadakan perbincangan berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk memastikan faktor hulu seperti harga dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan harga anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat hiliran dapat diminimumkan dan terurus.

Industri dan bekalan ayam dikawal selia oleh MAFI manakala KPDNHEP berkaitan polisi harga ayam di pasaran.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	EXPLORER.NET	ONLINE	

## KPDNHEP laksana kawalan harga ayam jika terus meningkat



© Provided by Berita Harian Gambar hiasan bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melaksanakan kawalan harga ayam jika ia terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapat kartel memanipulasi harga di semua peringkat rantai.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata bagi mengatasi masalah itu

kementeriannya mengadakan satu pendekatan baharu dengan mengeluarkan surat pemberitahuan kepada peniaga pada peringkat borong dan runcit bagi mengadakan libat urus bersama pengeluar serta penternak ayam di lokasi dan lokaliti berlaku kenaikan harga.

Beliau berkata, pendekatan itu bagi membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah.

Katanya, langkah itu juga dapat memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantai pengedaran dengan sewenang-wenangnya.

“Semua peniaga di peringkat rantai dinasihat mengamalkan etika yang tinggi dalam menjalankan perniagaan dan membantu kerajaan mengekalkan harga ayam kekal stabil tanpa kenaikan mendadak berterusan,” katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Pendekatan baharu pengeluaran surat pemberitahuan oleh KPDNHEP itu bertujuan mengekang kenaikan harga ayam di pasaran sejak kebelakangan ini sehingga memberi impak tinggi kepada pengguna ketika fasa pandemik COVID-19.

Alexander berkata, jika terdapat peniaga yang gagal memberi kerjasama dalam menjayakan pendekatan baharu itu, tindakan tegas akan diambil termasuk mengenakan kompaun maksimum dan tindakan undang-undang di mahkamah.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan secara berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan faktor hulu seperti harga dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan harga anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat hiliran dapat diminimumkan dan terurus.

Katanya, walaupun industri dan bekalan ayam di kawal selia oleh MAFI, KPDNHEP bersedia berperanan berkaitan dasar harga ayam di pasaran.

“KPDNHEP tidak bercadang memperkenalkan kawalan harga tambahan, selain yang dilaksanakan ketika musim perayaan besar Malaysia di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

“Kita sentiasa memantau harga barangan melalui lebih 1,000 Pegawai Pemantau Harga bagi memastikan harga setiap hari dan mengambil tindakan segera terhadap premis yang menjual pada harga tidak munasabah tanpa menunggu aduan pengguna,” katanya.

Alexander berkata, seramai 2,200 pegawai penguat kuasa ditugaskan memeriksa dan memantau setiap hari di peringkat runcit supaya tiada aktiviti pencatutan harga dan kekal menjalankan perniagaan secara beretika di seluruh negara.

Katanya, pemantauan harga runcit diadakan pada 10 September lalu mendapati harga purata ayam bersih standard peringkat nasional adalah pada paras RM8.83 sekilogram.

“Di Semenanjung, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78 sekilogram dan julat harga jualan antara RM5.99 sekilogram hingga RM11 sekilogram.

“Berdasarkan pemerhatian, kementerian mendapati premis menjual pada harga tinggi melebihi RM9 sekilogram membabitkan pasar basah dan awam dengan harga paling tinggi RM11 sekilogram dijual di Pasar Besar Raub, Pahang.

“Premis pasar raya dan hypermarket masih menawarkan ayam bersih standard pada harga berpatutan iaitu paling rendah RM5.99 sekilogram seperti di pasar raya Tesco atau Lotus di seluruh negara.

“Selain itu, pasar raya Giant, Mydin dan Econsave masih menawarkan ayam pada harga RM7.39 hingga RM7.99 sekilogram,” katanya.

Alaxender turut menasihatkan pengguna supaya bijak memilih tempat dan masa membeli ayam pada harga patut.

Beliau berkata, di Sabah harga purata ayam bersih standard adalah RM11.33 sekilogram, manakala di Sarawak pula, harga purata ayam bersih standard RM8.56 sekilogram.

Katanya, KPDNHEP akan terus bertindak melalui pelaksanaan pelbagai operasi penguatkuasaan yang sebelum ini mengeluarkan 208 notis bertulis kepada peniaga, lima item dikesan mencatut dan dua kertas siasatan dibuka bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 14 (1), Akta Kawalan Harga dan Anti Pengaturan 2011 serta satu lagi kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 21(5), akta sama.

© New Straits Times Press (M) Bhd



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Peniaga ayam tidak boleh naik harga sesuka hati



Peniaga tidak boleh menaikkan harga ayam sesuka hati.

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak bercadang untuk memperkenalkan kawalan harga tambahan selain yang dilaksanakan ketika musim perayaan besar di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihak kementerian sebaliknya menggunakan

pendekatan baharu membabitkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga peringkat borong dan runcit untuk mengadakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam di lokasi atau lokaliti berlakunya kenaikan harga.

Beliau berkata, pendekatan itu bertujuan membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah selain memberi peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantaian pengedaran sewenang-wenangnya.

“Jika peniaga enggan memberi kerjasama dalam menjayakan pendekatan baharu ini, tindakan tegas akan diambil dan kompaun maksimum atau pendakwaan di mahkamah akan diambil ke atas peniaga terlibat.

“Kementerian juga tidak teragak-agak untuk melaksanakan kawalan harga jika harga terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapatnya kartel yang memanipulasi harga di semua peringkat rantaian,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Dalam pada itu, Alexander berkata, KPDNHEP akan mengadakan perbincangan secara berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam memastikan faktor hulu dapat diminimumkan dan terurus.

Ini termasuk, katanya, harga dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan harga anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat hiliran.

“Hasil analisis awal mendapati berlaku peningkatan terhadap kos bagi bahan-bahan utama makanan (dedak) ayam yang meningkat hampir beberapa kali sepanjang tahun ini iaitu jagung, soya dan minyak sawit mentah.

“Dua bahan tersebut iaitu jagung dan soya merupakan item yang diimport daripada negara pengeluar luar negara,” katanya.

Pada masa sama, KPDNHEP mencadangkan supaya pihak penternak memberi kerjasama supaya harga anak ayam tidak dinaikkan mendadak dalam julat masa singkat bagi mengelakkan berlaku tekanan harga di peringkat borong dan runcit ketika ini.

**“Pegguna terus disarankan menggunakan Aplikasi Price Catcher untuk mendapatkan dan membuat perbandingan harga barang keperluan, termasuk ayam yang dijual di premis berhampiran dalam radius 10 kilometer bagi tujuan pembelian yang terancang,” katanya. -UTUSAN**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	ASIAN BREAKING NEWS.COM	ONLINE	

## NBCT set to become country's main tuna terminal



PLANS are afoot to upgrade and strengthen the North Butterworth Container Terminal (NBCT) in Penang as the country's main tuna terminal, said Datuk Tan Teik Cheng.

The Penang Port Commission (PPC) chairman said PPC and Penang Port Sdn Bhd (PPSB) had reached a consensus with the Agriculture and Food Industries Ministry over the matter.

"NBCT is well-equipped as Penang also has many tuna processing factories.

"We also enjoy the geographical advantage of having the Penang International Airport.

"With these advantages, tuna catches can be shipped abroad faster, which is one of the factors that attract the landing of more tuna fishing boats here.

"Statistics by the Agriculture Ministry show that all ports in the country have caught tuna weighing around 53,855 metric tonnes valued at RM520mil as of August this year.

Boat crewmen unloading the tuna that they caught in the Indian Ocean.

"The Government aims to push the value of catch to RM1bil, and provide more employment opportunities and bring in more revenue to the country," he said.

On Thursday, Penang Port welcomed two new locally-built tuna fishing boats at the port for the first time.

The boat crew members had returned with 52 tonnes of fish worth RM5mil after spending three months in the Indian Ocean.

Tan said the tuna fish consisted of a variety of deep-sea catches, including yellowfin tuna, bigeye tuna, bonito and albacore tuna.

"The tuna fish caught in the Indian Ocean will be transported to Penang Port before being exported to Japan, China, the United States, Thailand, Singapore and Vietnam.

"There are daily ships from Penang Port to China.

"All fishing vessels need a licence issued by the Indian Ocean Tuna Commission before they are allowed to catch tuna in the Indian Ocean," he said.

The event was also attended by Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee and his deputy Nik Muhammad Zawawi Salleh.

PPSB was set up in 1994 under the Finance Ministry Incorporated while PPC comes under the Transport Ministry, which is the port's licensing authority.

NBCT set to become country's main tuna terminal have 543 words, post on [www.thestar.com.my](http://www.thestar.com.my) at September 13, 2021. This is cached page on Asean News. If you want remove this page, [please contact us](#).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	BERNAMA TV	BULETIN BERNAMA	

### PENDEKATAN BAHARU TANGANI ISU KENAIKAN HARGA AYAM





14 SEP, 2021

## Increase in livestock food component prices affects chicken prices - Ronald

Tamil Malar, Malaysia

Page 1 of 2

# சந்தையில் கோழி விலை ஏற்றம் குறித்து தெளிவாக ஆராயப்பட வேண்டும்

புத்ராஜெபா, செப். 14-  
சந்தையில் கோழி விலை ஏற்றம் குறித்து தெளிவாக ஆராயப்படுவதோடு, சம்பந்தப்பட்ட பல்வேறு உற்பத்தி செலவுகள் உட்பட அனைத்து தரப்பினரின் நலனும் கருத்தில் கொள்ளப்பட வேண்டும். இந்த ஆய்வு, தொழில்துறை, வியாபாரி மற்றும் பயனீட்டாளர் ஆகிய தரப்பினரை உட்படுத்தி இருப்பதாக விவசாய மற்றும்

உணவு தொழில்துறை அமைச்சர் டத்தோ ஸ்ரீ டாக்டர் ரொனால்ட் கியாண்டி தெரிவித்திருக்கிறார்.

கோழிகளின் உணவான வெளிநாட்டிலிருந்து இறக்குமதி செய்யப்படும் தவிடு மற்றும் சோளம் போன்றவற்றின் விலை, உள்நாட்டு சந்தையில் தாக்கத்தை ஏற்படுத்தும், உலக சந்தையின் விலை ஏற்ற இறக்கத்தைப் பொருத்தது என்று அவர் கூறினார்.

மக்களுக்கு கமையை ஏற்படுத்தாத வகையில், கோழி சந்தையில் விலை நியாயமானதாக இருக்க வேண்டும் என்பதையும் டாக்டர் ரொனால்ட் மறுக்கவில்லை. எனினும், அதன் வளர்ப்பில் ஏற்படும் செலவு குறித்து கருத்தில் கொள்ள வேண்டும் என்று அவர் மேலும் கூறினார்.





14 SEP, 2021

## Increase in livestock food component prices affects chicken prices - Ronald

Tamil Malar, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

சந்தையில் காழி விலை ஏற்றும் கூறித்து  
ஆராயப்பட டவண்டும்

புத்ராஜயொ,செப் .14- சந்தையில் கஃாழி விலை ஏற்றம் கூறித்து தளெிவாக ஆராயப்படுவதஃோடும், சம்பந்தப்பட்ட பல்வறஃு உற்பத்திசலெவாகள் உட்பட அனதைத்து தரப்பினரின் நலனும் கருத்தில் கொள்ளப்பட வணஃ்டும் . இந்த ஆய்வும், தஃாழில்துறை, வியாபாரி மற்றும் பயனஃ்டாளர் ஆகிய தரப்பினரை உட்படுத்தி இரூப்பதாக விவசாய மற்றும் உணவூ தஃாழில்துறை அமசைச்சர் டத்தஃோ ஸ்ரீ டாக்டர் ரஃொனால்ட் கியாண்டி தரெிவித்திரூக்கிறார் .

Headline	Beri subsidi kepada penternak ayam tidak selesai masalah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	15 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	16	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	268 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,955
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,865



## Beri subsidi kepada penternak ayam tidak selesai masalah



**HARGA** siling ayam segar dijangka selesaikan harga ayam secara jangka panjang. LAMBAR HUSAN

**ALOR SETAR** - Persatuan Pengguna Kedah (Cape) berpandangan cadangan kerajaan untuk memberikan subsidi kepada penternak ayam berskala besar bukan langkah terbaik untuk menstabilkan harga barangan mentah itu di pasaran.

Setiausahaanya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, kerajaan sebaliknya perlu mencari jalan penyelesaian jangka masa panjang yang akhirnya memberi situasi menang-menang kepada penternak dan pengguna.

"Pemberian subsidi kepada penternak terpilih setiap kali berlaku kenaikan melebihi harga siling ditetapkan kelak bukan caranya kerana situasi itu

menyebabkan ada pihak akan mengambil kesempatan.

"Harga (ayam) akan naik dan akhirnya rakyat yang terbeban," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini semalam.

Selain itu, kata beliau, langkah terbaik yang boleh dilakukan kerajaan adalah dengan menghasuskan tangan butam atau orang tengah yang mengambil kesempatan dalam urusan pembekalan ayam.

"Dalam urusan pembekalan ayam ini, yang terkesan ialah penternak, peniaga ayam dan seterusnya pengguna.

"Kadangkala ada lima hingga tujuh lapis sebelum ayam sampai kepada pengguna me-

nyebabkan harga ayam di pasaran meningkat," ujarnya.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu memikirkan cara untuk mengurangkan penglibatan orang tengah dalam memastikan harga ayam segar kekal berpatutan dan tidak naik melampau.

"Agensi-agensi di bawah kementerian itu boleh bertindak sebagai orang tengah atau pemborong," katanya.

Kosmo! pada Ahad lalu melaporkan kerajaan bercadang untuk menetapkan harga siling ayam segar sebagai penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi kenaikan mendadak makanan paling popular di negara ini.





15 SEP, 2021

## 'Penternak terjejas jika laksana kawalan harga'

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 3



### **Harga ayam melambung peniaga simpati kepada pembeli**

Peniaga ayam di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, Halim Idris, 57, memakai apron yang bertulis 'Harga Ayam Tak Terkawal, Siapa Terkesan? Rakyat La Awak' ketika menjual ayam di gerainya sebagai membantah kenaikan harga ayam oleh pemborong dan pembekal. Harga ayam di pasar berkenaan sebelum ini tidak melebihi RM9 sekilogram, namun sejak minggu ini beliau terpaksa menjual pada harga RM9.50 sekilogram bagi mengelak kerugian. **Nasional 18** (Foto Aswadi Alias /BH)



15 SEP, 2021

'Penternak terjejas jika laksana kawalan harga'

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 3

Isu harga ayam, telur naik

# 'Penternak terjejas jika laksana kawalan harga'

## FLFAM saran kementerian siasat punca kenaikan

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menjangka sebahagian besar rantai pengusaha ternakan ayam dan telur di negara ini, akan terjejas sekiranya skim kawalan harga dilaksanakan dalam masa terdekat.

Penasihatnya, Datuk Jeffrey Ng, berkata langkah itu hanya sesuai dilaksanakan jika Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengenal pasti punca sebenar kenaikan harga ayam dan telur.

Beliau berkata, antara lain dengan melakukan siasatan menyeluruh di setiap rantai terbahit meliputi penternak, pemborong dan peruncit.

"Pada sesi libat urus bersama KPDNHEP dan MAFI, pagi tadi (semalam), kementerian ada mencadangkan kawalan harga mungkin terpaksa dilaksanakan jika harga tidak mampu dikawal.

"Bagi pihak penternak, kami memahami perkara itu kerana



Sebahagian peniaga ayam di Pasar Chow Kit menjual ayam dengan harga RM9.50 sekilogram, semalam. (Foto BERNAMA)

kenaikan harga terbahit sudah tentu membeban dan menjejaskan kuasa beli pengguna.

"Bagaimanapun, kami menyarankan supaya kementerian berkaitan melakukan siasatan terperinci terlebih dahulu mengenai punca sebenar kenaikan harga itu.

"Selain masalah dihadapi penternak susulan peningkatan kos makanan ayam, cabaran lain ialah merungkai sama ada terdapat pihak dalam rantai terbahit yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlipat kali ganda," katanya kepada BH.

Jeffrey berkata, pihaknya juga menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat sama ada wujud kartel menjadi dalang di sebalik kenaikan harga itu.

"Sebagai penternak, kami ha-

nya bertindak membekalkan ayam serta telur dari ladang, namun rantai keseluruhan adalah lebih besar. Justeru, tidak dapat dipastikan peringkat mana terbahit jika benar berlaku kawalan kartel ke atas harga semasa ayam dan telur.

"Misalnya, ada peniaga di pasar mendapatkan bekalan ayam daripada beberapa orang tengah melalui rantai yang berlapis-lapis, dengan tempahan tidak dibuat terus kepada penternak. Ini menyebabkan agak sukar untuk mengenal pasti jika ada pihak mengambil kesempatan.

"Justeru, kami amat berharap kerajaan menyiasat dan mengenakan hukuman tegas jika didapati ada pihak mengaut keuntungan secara berlebihan," katanya.

Sementara itu Setiausaha Agung Persatuan Pergerakan Pengguna Malaysia, Sukhdave Singh, berkata kerajaan wajar membuat kajian terperinci dengan mengambil kira pelbagai permasalahan dihadapi penternak dan peniaga, sebelum memutuskan cara terbaik untuk mengawal harga ayam serta telur daripada terus meningkat.

"Antara lain, kerajaan perlu membuat kajian lebih mendalam terhadap isu kos tinggi makanan ayam yang kerap diutarakan penternak," katanya.

Sukhdave menjelaskan, pelaksanaan kawalan harga mungkin menguntungkan pengguna, namun boleh mengakibatkan pendapatan rantaian pengusaha dan penternak ayam terjejas lebih teruk kerana menampung kos pengeluaran yang tinggi.

Justeru, beliau berpandangan antara jalan penyelesaian terbaik ialah mengambil tindakan tegas, termasuk menggunakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, ke atas peniaga yang dikesan mengaut keuntungan berlebihan.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George pula berpendapat kawalan harga bukan langkah penyelesaian terbaik.

Sebaliknya, beliau berkata, ia mungkin mengakibatkan rantai pengusaha ayam dan telur, terutama penternak terpaksa gulung tikar, sekali gus mengakibatkan masalah bekalan makanan itu di seluruh negara.



15 SEP, 2021

## 'Penternak terjejas jika laksana kawalan harga'

Berita Harian, Malaysia

Page 3 of 3

### SUMMARIES

Harga ayam melambung peniaga simpati kepada pembeli Peniaga ayam di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, Halim Idris, 57, memakai apron yang bertulis .Harga Ayam Tak Terkawal, Siapa Terkesan? Rakyat La Awak' ketika menjual ayam di gerainya sebagai membantah kenaikan harga ayam oleh pemborong dan pembekal. Harga ayam di pasar berkenaan sebelum ini tidak melebihi RM9 sekilogram, namun sejak minggu ini beliau terpaksa menjual pada harga RM9.50 sekilogram bagi mengelak kerugian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## HAPUS PERANAN 'TANGAN GHAIB' PENENTU HARGA AYAM



**ALOR SETAR:** Persatuan Pengguna Kedah (Cape) mendesak kerajaan menghapuskan peranan 'tangan ghaib' atau orang tengah yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan dengan menaikkan harga ayam secara sesuka hati.

Setiausahanya, Mohamad Yusrizal Yusoff, tindakan pihak 'tangan ghaib' itu memberi kesan terhadap penternak, peniaga ayam dan pengguna.

Menurutnya, penglibatan orang tengah telah lama berleluasa, tetapi, masih gagal ditangani dengan sepenuhnya.

"Kadang-kadang, ada lima hingga tujuh lapis daripada penternak sebelum ayam sampai kepada pengguna menyebabkan harga ayam di pasaran meningkat," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, Kementerian Pertanian, dan industri makanan perlu memikirkan cara untuk mengurangkan penglibatan orang tengah dalam memastikan harga ayam segar kekal berpatutan dan tidak naik secara melampau.

"Agensi-agensi di bawah kementerian itu boleh bertindak sebagai orang tengah atau pemborong," katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan kerajaan bercadang untuk menetapkan harga siling ayam segar sebagai penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi kenaikan mendadak makanan paling popular di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid turut memaklumkan, kerajaan juga bercadang untuk memberi subsidi kepada sekurang-kurangnya 20 penternak berskala besar di negara ini bagi menstabilkan harga ayam di pasaran.

Dalam pada itu,, menurut Mohamad Yusrizal, cadangan kerajaan untuk memberikan subsidi kepada penternak ayam berskala besar bukan langkah terbaik untuk menstabilkan harga barangan mentah itu di pasaran.

Jelasnya, kerajaan sebaliknya perlu mencari jalan penyelesaian jangka masa panjang yang akhirnya memberi situasi menang-menang kepada penternak dan pengguna.

"Pemberian subsidi kepada penternak terpilih setiap kali berlaku kenaikan melebihi harga siling ditetapkan kelak bukan caranya kerana situasi itu menyebabkan ada pihak akan mengambil kesempatan. -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## TAMAN LAUT PULAU PAYAR SUMBER PERIKANAN KEDAH



ALOR SETAR: Sebanyak 17 tukun tiruan konversasi yang dilabuhkan di kawasan Taman Laut Pulau Payar dijangka memberi manfaat kepada 10,981 nelayan melalui kesan limpahan ikan.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor berkata, Taman Laut Pulau Payar banyak memberi manfaat dalam memulihara sumber perikanan Kedah.

Katanya antara tahun 2006 hingga 2010, Jabatan Perikanan Malaysia membelanjakan RM2.99 juta bagi membina 11 tapak tukun konkrit bersaiz besar di Kedah.

Tukun-tukun tiruan itu kata beliau secara langsung turut menyumbang kepada peningkatan pendaratan ikan di negeri itu daripada 63,703 tan metrik pada tahun 2005 kepada 83,035 tan metrik pada 2011.

“Program melabuhkan tukun tiruan di kawasan Taman Laut Pulau Payar dimulakan sejak 1975 di Pulau Telur.

“Hasil kajian Jabatan Perikanan ke atas 83 tapak tukun tiruan di seluruh negara mendapati antara 129 hingga 6,047 kilogram biomassa ikan direkodkan dengan nilai sumber tertinggi yang dianggarkan berjumlah RM84,759,” kata beliau pada kenyataan semalam.

Bagaimanapun katanya, survei litupan karang pada tahun 2004 dan 2005 oleh sepasukan penyelidik pertubuhan bukan kerajaan (NGO) daripada Coral Cay Conservation melaporkan litupan karang di taman laut terbabit diklasifikasikan sebagai moderate hingga poor iaitu dengan litupan karang antara 0-50 peratus.

Namun begitu, pemantauan liputan karang tahunan yang dijalankan Jabatan Perikanan pada 2020 mendapati kadarnya berada pada tahap ‘good’ dengan 60.8 peratus berbanding tahun 2019 iaitu 50.88 peratus.

“Data saintifik menunjukkan bahawa perlindungan biodiversiti marin kepada Pulau Payar melalui konsep Taman Laut memberi perkembangan positif terhadap pemulihan ekosistem terumbu karang di Pulau Payar,” katanya.

Manakala dalam usaha memelihara biodiversiti Taman Laut Pulau Payar kata beliau Jabatan Perikanan Malaysia dan kerajaan negeri sepakat melaksanakan peraturan baru yang melibatkan beberapa perkara.

Antaranya hanya pengusaha pelancong yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Kedah dibenarkan menjalankan aktiviti pelancongan di perairan taman laut berkenaan dan dihadkan 100 pelancong seminggu.

Aktiviti pelancongan di Taman Laut Pulau Payar berlangsung setiap hari kecuali Selasa dan Rabu serta ditutup pada Mac dan Mei setiap tahun.

**“Berdasarkan survei inventori yang dijalankan jabatan berkenaan bersama penyelidik Universiti Malaysia Terengganu mendapati Taman Laut Pulau Payar merupakan perumah kepada 154 spesies (30 famili) ikan karang dan 20 genera karang.**

**“Kebanyakan spesies ikan di Taman Laut Pulau Payar dari kumpulan ikan bernilai ekonomi tinggi seperti kerapu, *Epinephelus* sp dan Ikan Cupak atau Bigeye trevally, *Caranx sexfasciatus*,” kata menteri besar.**

**Sehubungan itu pihaknya menyokong segala usaha Jabatan Perikanan Malaysia ke arah peningkatan sumber perikanan bagi membantu kesejahteraan komuniti dan sosioekonomi komuniti nelayan serta penduduk tempatan.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	3



PEGAWAI Maqis Selangor menunjukkan sebahagian daripada 3,200 tin susu yang dirampas pthaknya.

**Pelabuhan Klang:** Bukan hanya rokok putih malah minuman susu dalam tin juga turut mahu diseludup masuk ke negara ini melalui jalan laut.

Ini terbukti apabila Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor dengan kerjasama Pasukan Polis Marin Wilayah 1 berjaya menggagalkan cubaan sebuah kapal dari Indonesia membawa masuk susu di Kompleks Barter Trade Pelabuhan Klang Selatan, di sini, Ahad lalu.

Maqis Selangor dalam satu kenyataan berkata, hasil pemeriksaan pihaknya menemui sejumlah 3,200 tin susu cuba dibawa masuk ke dalam negara tanpa permit import Maqis.

"Susu tin bernilai RM4,500

## Maqis rampas 3,200 susu tin tanpa permit

itu disita selepas pengimport gagal mengemukakan dokumen sah seperti permit import Maqis dan sijil kesihatan dari negara asal," menurutnya.

Maqis Selangor berkata, perbuatan mengimport apa sahaja tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma tanpa permit adalah salah mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seks-

yen 11(3) akta sama yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali.

"Maqis akan sentiasa tegas, cekap dan teliti dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan di semua pintu masuk perairan di seluruh negara.

"Langkah ini bagi menjamin keselamatan produk pertanian dan Agromakanan negara terjamin dan selamat dimakan," katanya.

Semua susu tin bernilai RM4,500 itu disita

## Maqjis gagal cubaan seludup 3,200 tin susu steril tanpa permit

**KLANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqjis) Selangor merampas 3,200 tin susu steril tanpa permit yang cuba diseludup dari Indonesia menerusi Kompleks Barter Trade, Pelabuhan Klang Selatan di sini pada Ahad.

Maqjis Selangor dalam satu kenyataan memaklumkan, muatan tersebut ditemui dalam satu operasi dengan kerjasama Pasukan Polis Marin Wilayah 1 di dalam sebuah kapal dari negara jiran yang bertabuh di kompleks tersebut.

"Kesemua 3,200 tin susu yang bernilai RM4,500 itu telah ditahan untuk tindakan lanjut kerana gagal mengemukakan dokumen sah seperti permit import Maqjis dan siji kesihatan dari negara asal," katanya pada Selasa.

Maqjis Selangor menjelaskan, membawa masuk tumbuhan, binatang, ikan, dan keluaran pertanian tanpa permit adalah salah di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Jika sabit kesalahan individu itu



Pegawal dan anggota Maqjis dan polis Marin menunjukkan susu steril tanpa permit yang dirampas di Pelabuhan Klang pada Ahad.

boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 atau di- penjara selama tempoh tidak melebihi sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



## MAQIS gagalkan cubaan import susu tanpa permit

**KLANG:** Percubaan membawa masuk 3,200 tin susu steril ke negara ini melalui Pelabuhan Klang digagalkan selepas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor mengesannya di Kompleks Barter Trade, Pelabuhan Klang Selatan, di sini.

MAQIS Selangor dalam kenyataan memaklumkan, pihak-

nya dengan kerjasama Pasukan Polis Marin Wilayah 1 menahan sebuah kapal dari Indonesia ke- limarin yang membawa masuk susu bernilai RM4,500 itu.

"Hasil pemeriksaan pada kapal terbabit mendapati sebanyak 3,200 tin susu cuba dibawa masuk ke dalam negara tanpa Permit Import MAQIS.

"Kesemua tin susu yang

bernilai RM4,500 itu ditahan untuk tindakan lanjut kerana gagal mengemukakan dokumen pengimportan yang sah seperti Permit Import MAQIS dan Sijil Kesihatan dari negara asal," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, MAQIS Selangor memberitahu, perbuatan mengimport apa sahaja tumbuhan, binatang, karkas, ikan,

keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma tanpa permit adalah salah mengikut Seksyen 11(4), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara se-

hingga enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"MAQIS sentiasa tegas, cekap dan teliti dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan di semua pintu masuk perairan di seluruh negara.

"Ia bertujuan menjamin keselamatan produk pertanian dan sektor agromakanan negara terjamin," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MADA SELENGGARA SALIRAN AIR ELAK PADI TENGGELAM



ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengambil langkah segera membersihkan saluran Parit Pida 16 Lama di Jerlun bagi menyelenggara saluran yang tersumbat untuk mengelakkan padi petani tenggelam ketika cuaca hujan dan ribut.

Timbalan Pengurus Besar (Teknikal) MADA, Nik Kun Nik Man berkata, saluran parit tersebut berada di dalam Blok Pengairan LBRBD 10 dengan keluasan 619

hektar di bawah seliaan Lokaliti C-II MADA Kerpan, Wilayah II MADA Jitra.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati saluran Parit Pida 16 Lama tersebut dengan panjang keseluruhan 1,700 meter telah dipenuhi tumbuhan dan semak yang menyebabkan saluran air keluar daripada sawah terganggu.

"Hujan lebat dan angin kencang pada 9 September lalu telah menyebabkan tanaman padi Musim 1/2021 seluas 5.46 hektar pada peringkat masak dalam Blok Pengairan LBRBD 10 telah rebah termasuk kawasan Matang Kerengga iaitu kawasan sawah pengadu," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan Sinar Harian pada Ahad berhubung rayuan kira-kira 20 pesawah di Kampung Permatang Kerengga agar MADA segera menyelenggara saluran yang tersumbat bagi mengelakkan padi mereka tenggelam ketika cuaca hujan dan ribut.

Nik Kun berkata, tindakan pembersihan saluran Parit Pida 16 Lama telah dilaksanakan oleh pihaknya pada pertengahan Mac hingga April 2021.

Bagaimanapun, pengurangan pusingan pembersihan saluran secara berkala daripada empat pusingan setahun kepada dua pusingan setahun turut menyumbang kepada masalah tumbuhan dan semak dalam saluran tersebut.

"Sebagai makluman kerja-kerja pembersihan bagi pusingan kedua untuk saluran ini telah dijadual akan dilaksanakan bermula 15 September 2021 ini. Namun MADA telah mengatur kerja-kerja pembersihan saluran air berkenaan melalui jentera jabatan pada 13 September 2021 bagi membantu menyelesaikan aduan ini.

Oleh NORSHAHZURA  
MAT ZUKI

**SHAH ALAM**

# Agrobank lancar program Sukuk Wakalah RM1 bilion

**A**grobank melancarkan program Sukuk Wakalah bernilai RM1 bilion yang berasaskan Prinsip Islam Wakalah Bi Allstithmar. Pelancaran sukuk ini menunjukkan komitmen Agrobank terhadap pembangunan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan Islam serantau dan membuktikan kepentingan pasaran modal sukuk di Malaysia.

Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang berkata, "Bagi bahagian pertama sukuk, Agrobank berhasrat untuk menerbitkan Sukuk Wakalah bernilai RM500 juta. Menerusi instrument inovatif ini, kami yakin ia akan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah hab kewangan Islam global sekali gus mengukuhkan kedudukanannya sebagai peneraju pasaran modal Islam antarabangsa.

Dalam satu kenyataan, "Pihaknya berhasrat, tawaran ini disambut baik

oleh pelabur dari pelbagai latar belakang akaun termasuk agensi kerajaan, institusi kewangan, syarikat pengurusan aset serta akaun korporat." Hasil penerbitan sukuk ini akan digunakan untuk pengurusan modal kerja, pelaburan umum dan membiayai kembali pembiayaan Agrobank yang patuh syariah bagi mendorong pertumbuhan bank pada era pasca pandemik.

Beliau menambah, "Fokus kami adalah untuk mewujudkan pendanaan yang stabil dengan mendapatkan kos pembiayaan jangka sederhana dan jangka panjang yang lebih rendah". Sementara itu, Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC) telah memberikan penarafan AAA institusi kewangan (FI) kepada Agrobank.

Pada masa yang sama, agensi penarafan juga telah memberikan penarafan awal AAA-IS kepada Bank bagi Program Nota Jangka Sederhana Islam (Program IMTN) bernilai

RM1.0 bilion serta prospek penarafan yang stabil.

RAM Sustainability Sdn Bhd (RAM Sustainability) telah memberikan penarafan Manfaat Alam Sekitar (EB) kepada program sukuk itu.

Tiga penyelesaian rangka kerja hijau bagi Sukuk Kelestarian Agrobank iaitu pengurusan kelestarian air dan air sisa; pengurusan kelestarian alam sekitar bagi kehidupan sumber asli dan penggunaan tanah dan pemuliharaan biodiversiti daratan dan akuatik yang telah diberikan penarafan EB.

RAM Sustainability juga telah memberikan penilaian Manfaat Sosial (SB) kepada penyelesaian sosial di bawah rangka kerja ini. Penarafan FI menggambarkan status Agrobank sebagai sebuah IKP milik kerajaan yang mendapat sokongan melalui pengagihan dana kerajaan dan skim pembiayaan pada kadar yang berpatutan serta penempatan simpanan deposit daripada entiti kerajaan, ujarinya.



MUSTAPHA  
BUANG

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	6

## Harga telur ayam gred B naik 59 sen

**Kuala Lumpur:** Harga 30 telur ayam gred B di pasaran Semenanjung mencatatkan kenaikan 59 sen dalam tempoh dua minggu, bermula 29 Ogos hingga Ahad lalu.

Berdasarkan data Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang diberikan kepada Harian Metro hari ini, kenaikan secara berperingkat-peringkat sehingga mencapai 53 sen pada 5 September lalu berbanding harga pada 29 Ogos bagi telur gred B untuk 30 biji.

Telur ayam gred B 30 biji dijual pada harga RM12.07 pada 29 Ogos tetapi naik kepada RM12.60 pada 5 September iaitu seminggu selepas itu.

Enam hari kemudian, harga telur naik lagi 3 sen menjadikannya RM12.63 sen untuk 30 biji.

Ahad lalu, berlaku lagi

**24 sen**

Jumlah kenaikan harga daging lembu tempatan

kenaikan harga telur gred B di Semenanjung menjadikannya dijual pada harga RM12.66 sen.

Dalam pada itu, data KPDNHEP berkenaan turut menunjukkan harga ayam bersih standard dan daging lembu tempatan mencatatkan kenaikan dalam tempoh sama manakala daging kerbau import serta ikan kembung menunjukkan penurunan.

Ayam bersih standard naik daripada RM7.91 sekilogram pada 29 Ogos kepada RM8.87 setakat Ahad lalu manakala daging lembu tempatan naik 24 sen daripada RM36.21 kepada RM36.45.



PEKERJA kedai runcit menyiapkan telur dipesan pelanggan di kedainya di Jalan Tuanku Munawir, Seremban, semalam.

# Peniaga kecil terbeban harga telur naik

**Johor Bahru:** Golongan peniaga kecil yang mengusahakan perusahaannya membuat kek, pencuci mulut dan kuih tradisional terbeban berikutan kenaikan harga telur di pasaran sejak Aidiladha lalu.

Mereka mendakwa kenaikan harga telur yang mendadak antara RM2 hingga RM3 sepapan mengandungi 30 biji bagi semua gred telur adalah melampau, sekali gus mengurangkan margin pendapatan golongan itu yang sememangnya sudah sedia terjejas akibat COVID-19.

Bagi Amni Bariah Md Shah, 28, pengusaha kek dan pencuci mulut online 'notsochemist', dia mula mengesan kenaikan harga telur sedikit demi sedikit sejak Aidiladha lalu, namun pada awal

nya tidak begitu ketara dan harganya naik sekitar 30 hingga 50 sen untuk sepapan.

"Kenaikan harga sejak ketara sejak sebelum dan melonjak sejak beberapa minggu lalu. Saya biasa membeli telur Gred A sepapan pada harga RM11 hingga RM12, namun kini melonjak antara RM2.50 hingga RM3 kepada RM13.50 hingga RM14 sepapan sejak beberapa hari lalu.

"Kenaikan harga telur yang mendadak sebegini sudah tentu menjejaskan pengusaha kek, pencuci mulut dan kuih kecil yang banyak menggunakan telur.

"Harga kebanyakan bahan asas membuat kek memang sudah tinggi jika harga telur pun naik mendadak, ia akan mengecikan lagi pendapatan kami yang tidak banyak, apatah lagi pengusaha tidak mahu menaikkan harga produk sesuka hati bagi menjaga pelanggan," katanya ketika dihubungi.

Sebelum ini mereka melaporkan kenaikan harga di pasaran berlaku selepas Aidiladha apabila pembekal menetapkan harga runcit telur baru bagi semua gred telur di

seluruh negara.

Pembekal dilaporkan menetapkan harga runcit telur, contohnya Gred B pada RM11.70 sepapan, menyebabkan peruncit terpaksa menjual pada RM12.50 berbanding antara RM10.50 hingga RM11, sebelum itu.

Pengusaha kek dan kuih tradisional Melayu, Hanita Hashim, 50, berharap kerajaan dapat memantau harga barang keperluan dengan lebih tegas berikutan kerapan kenaikan harga kebela-kangan ini.

"Pengusaha kecil seperti saya sememangnya sangat terjejas dan terbeban dengan kenaikan harga telur kerana ia antara bahan utama dalam penghasilan kek dan kuih tradisional termasuk kek marble, bingkai dan bahu.



Hanita Hashim

## Pesawah harus patuhi jadual penggiliran air

**PARIT BUNTAR:** Pesawah di sini dinasihatkan agar mematuhi penggiliran air ke petak sawah di kawasan masing-masing supaya tidak menjejaskan jadual penanaman padi pesawah lain.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, sikap pentingkan diri segelintir pesawah yang memotong giliran mengambil air tanpa ikut jadual, menjejaskan pesawah lain.

“Pesawah hendaklah bermuafakat dan bekerjasama supaya masalah jadual pengaliran air ke petak sawah seperti yang berlaku di sini tidak lagi menjadi isu.

“Bagi mengatasi masalah kekurangan air di petak sawah yang berlaku di sini, JPS akan menjalankan kajian menyeluruh terhadap keberkesanan dan fungsi infrastruktur di

sini iaitu palong air dan tali air TA74 agar masalah ini dapat diatasi,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas meninjau masalah pesawah di Parit Abas dan Parit Mat Ali di Kuala Kurau dekat sini yang tidak dapat memulakan penanaman musim baharu kerana tidak cukup bekalan air.

Ia berlaku apabila segelintir pesawah di kawasan lain mengambil air dari terusan Tali Air 74 di sini dan memulakan musim penanaman padi lebih awal, tidak mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian.

Akibatnya, air yang disalurkan oleh JPS melalui terusan tidak sampai ke petak sawah di Parit Abas dan Parit Mat Ali.

Mengenai masalah itu, Razman berkata, ia melibatkan 40 pesawah di kawasan kawasan seluas 30 hektar yang mereka usahakan di kompartmen C di sini.



**RAZMAN** Zakaria (tiga dari kiri) meninjau kawasan sawah yang mengalami masalah air di Kuala Kurau di Parit Buntar semalam.  
- UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

# Usahawan tani muda perlu transformasi minda

Oleh Dr. Aikah Nor Iohari  
bhrencana@bh.com.my

Kejayaan usahawan tani muda mampu menggamit dan melahirkan lebih ramai belia untuk menerokai dunia pertanian. Senario ini dapat membantu negara menangani masalah berkaitan pengangguran serta isu sekuriti makanan.

Usahawan tani muda yang mengaplikasikan kaedah lebih moden, berinovasi dan berteknologi adalah 'contoh teladan' yang boleh memberi inspirasi dan dijadikan panduan serta rujukan kepada usahawan tani muda di negara ini, untuk memula dan melaksanakan kejayaan dalam dunia pertanian.

Kehadiran teknologi baharu dalam sektor pertanian berupaya memacu inovasi dalam meningkatkan kualiti produk dan jumlah pengeluaran bagi memenuhi keperluan rakyat dan permintaan pasaran, sekali gus menjaga keuntungan maksimum kepada usahawan tani muda.

Jadi, landskap pertanian daripada dipelopori oleh golongan berusia yang kurang kemahiran teknologi dan mundur kepada petani moden generasi kedua dan kompetitif perlu segera ditransformasikan.

Kejayaan dalam sektor pertanian perlu diperting-

katkan bagi melonjakkan minat golongan belia untuk meneroka dunia penanaman, penternakan, perikanan, perhutanan, pembalakan serta industri asas tani.

Bukan sekadar menimbulkan minat, tetapi men ceburi dan seterusnya menemupa kejayaan dengan mengorak langkah mengembangkan lagi perusaha an pertanian, sama ada pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Mereka perlu mengubah fikiran daripada *job seekers* (pencari kerja) kepada *job creators* (pencipta kerjaya).

Malangnya, hingga ke hari ini sektor pertanian masih terkebelakang dan majoritinya menjadi tumpuan golongan berusia dan berkemahiran rendah. Malah, di sebalik impak positif yang disumbangkan oleh sektor pertanian dalam pelbagai aspek, terutama ekonomi dan sosial, kadar kejayaan perusaha an kecil dan sederhana (PKS) pertanian adalah pada tahap kurang menyerlah dan memuaskan.

Tambahan pula, kadar pertumbuhan sektor pertanian adalah sederhana, iaitu 3.7 peratus berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, Pres tasi Ekonomi Malaysia Suku Tahun Ketiga 2019.

Lebih-lebih lagi, laporan Global Entrepreneurship Monitor (GEM) bagi 2015/16 dan 2016/17 menunjukkan penurunan jumlah pembukaan perusaha an atau perniagaan baharu dalam sektor pertanian, terutama dalam ekonomi berpandukan inovasi.

Tambah membimbangkan lagi, ramai usahawan tani muda yang gagal untuk bertahan dalam tempoh tiga hingga lima tahun pertama selepas perusaha an ditubuhkan.

Cabaran utama perlu ditangani segera bagi menggapai peningkatan kejayaan dalam kalangan usahawan tani muda adalah mengubah persepsi dan 'minda' mereka. Golongan ini menterjemahkan sektor pertanian sebagai kotor, kasar, sukar, berbahaya, tidak dapat menjamin masa depan yang cerah. Jadi, senario ini perlu diubah - sektor pertanian sebenarnya adalah lujuk rezeki kepada golongan belia, terutama siswazah menganggur.

Oleh itu, kejayaan dalam sektor pertanian khususnya dalam kalangan usahawan tani muda perlu dipertingkatkan bagi melonjakkan sumbangan positif kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Hingga hari ini, Malaysia terlalu bergantung kepada produk berasaskan pertanian yang diimport. Sudah tiba waktunya golongan belia, terutama siswazah membabitkan diri dalam ekosistem pertanian dan bergelut usahawan tani muda yang berteknologi dan berinovasi.

Tambahan pula, kegagalan dalam sektor ini akan memberi kesan negatif kepada aspek keselamatan makanan negara.